

Pengurusan Kekayaan OCBC Al-Amin

Lembaran Maklumat Produk Deposit

Akaun Simpanan Tetap-i Mata Wang Asing

Nama Produk: OCBC Akaun Simpanan Tetap-i Mata Wang Asing

Apakah OCBC Akaun Simpanan Tetap-i Mata Wang Asing?

Akaun yang membolehkan pelanggan menyimpan dana mata wang asing mereka dan memperolehi faedah ke atas jangka masa yang ditentukan terlebih dahulu.

1

Maklumat Am

Kontrak Shariah	Tawarruq dan Bai' al-Sarf						
Definisi	<p>Tawarruq</p> <p>Tawarruq merujuk kepada pembelian aset yang berada dalam pemilikan dan pegangan penjual pada harga tertangguh, dan penjualan berikutnya akan aset tersebut oleh pembeli kepada pihak yang lain selain daripada penjual secara tunai, untuk tujuan mendapatkan tunai.</p>						
Bagaimanakah Produk ini Berfungsi?	<p>Pelanggan mendeposit dana * dengan OCBC Al-Amin Bank Berhad (OCBC Al-Amin) dalam mata wang asing. Jika dana pelanggan berbentuk MYR, Bank akan memberi kemudahan kepada pelanggan untuk menukar dana ke dalam mata wang asing pilihan pelanggan pada kadar pertukaran semasa, sebelum membuat transaksi Tawarruq.</p> <p>Pelanggan mendeposit dana* dengan OCBC Al-Amin Bank Berhad (OCBC Al-Amin) dan melantik OCBC Al-Amin sebagai ejen untuk membeli komoditi.</p> <p>*Dana Pelanggan : Harga Pembelian Pelanggan</p> <p>OCBC Al-Amin sebagai ejen pelanggan, akan membeli komoditi dari broker pada harga sekarang (spot).</p> <p>OCBC Al-Amin kemudiannya membeli komoditi itu daripada pelanggan pada harga kos ditambah keuntungan**, yang akan dibayar pada tarikh pembayaran tertunda tertentu.</p> <p>**Kos ditambah keuntungan : Harga Pembelian Bank</p> <p>Apabila tiba tarikh pembayaran tertunda, OCBC Al-Amin akan membayar pelanggan Harga Pembelian Bank yang terdiri daripada kos (wang pokok) ditambah dengan keuntungan.</p>						
Asset Patuh Shariah	Komoditi yang dibeli adalah komoditi patuh Shariah						
Kelayakan							
Umur	Individu yang berumur 18 tahun dan ke atas (untuk akaun perseorangan atau bersama).						
Warganegara	<p>Di buka untuk Warga Malaysia, Pemastautin Tetap dan Bukan Pemastautin (tertakluk kepada negara asal).</p> <p><i>Nota: Seorang individu pemastautin boleh membuka:</i></p> <ul style="list-style-type: none"> • akaun nama perseorangan atau; • akaun bersama dengan individu bukan pemastautin yang merupakan ahli keluarga terdekat. <ul style="list-style-type: none"> ◦ "Ahli keluarga terdekat" berhubung dengan individu bermakna isteri beliau , ibu bapa, anak-anak atau adik-beradik. 						
Dokumen yang Diperlukan	Kad Pengenalan atau Pasport						
Mata Wang yang Boleh Didapati	GBP, SGD, dan USD						
Simpanan Permulaan Minimum	<table border="1"> <tr> <td>Pound Sterling</td> <td>GBP 5,000</td> </tr> <tr> <td>Dolar Singapura</td> <td>SGD 10,000</td> </tr> <tr> <td>Dolar Amerika</td> <td>USD 10,000</td> </tr> </table>	Pound Sterling	GBP 5,000	Dolar Singapura	SGD 10,000	Dolar Amerika	USD 10,000
Pound Sterling	GBP 5,000						
Dolar Singapura	SGD 10,000						
Dolar Amerika	USD 10,000						

MEMBER



Akaun Simpanan Tetap-i Mata Wang Asing

2

Baki Minimum	Pelanggan mestilah mengekalkan jumlah peletakan Simpanan Tetap untuk terus menikmati kadar faedah. Penarikan peletakan Simpanan Tetap sebelum tempoh matang akan dikenakan penalti.
Kadar Faedah	
Pengiraan Faedah	Faedah dikira secara harian dan akan dibayar semasa matang.
Faedah Penalti ke atas Pengeluaran Simpanan Tetap Sebelum Tempoh Matang	Tiada faedah akan dibayar bagi mana-mana pengeluaran/penarikan Mata Wang Asing Time Deposit sebelum tempoh matang.
Kadar Faedah	Kadar faedah terkini boleh didapati di www.ocbc.com.my dan cawangan-cawangan OCBC Al-Amin yang terdekat. OCBC Al-Amin berhak untuk menukar kadar faedah dan jika berlaku, mestilah mengumumkannya di cawangan, di laman web OCBC Al-Amin atau dalam media massa.
Ciri-ciri dan Manfaat	
Pilihan Tempoh Simpanan yang Pelbagai	Tempoh yang boleh didapati: 1 minggu, 2 minggu, 1 bulan, 2 bulan, 3 bulan, 6 bulan, 9 bulan dan 12 bulan. Untuk Yuan China hanya tempoh 1 bulan boleh didapati.
Pengeluaran Sebelum Matang	Tiada faedah akan dibayar bagi mana-mana pengeluaran/penarikan Mata Wang Asing Time Deposit sebelum tempoh matang.
Rekod: Berasaskan e-Penyata atau Berasaskan Penyata	Nikmati kemudahan penyata bulanan yang membolehkan anda memantau semua transaksi anda (jika terdapat aktiviti untuk bulan tersebut). Caj sebanyak RM10.00 setiap bulan akan dikenakan dengan setiap permohonan penyata tambahan. Uruskan dana dengan lebih mudah dengan menggunakan e-penyata yang boleh didapatkan melalui OCBC Online Banking dan/atau dihantar ke alamat emel anda. Anda juga mempunyai pilihan untuk menerima salinan penyata yang dihantar kepada anda setiap bulan. Bagi setiap permohonan salinan penyata tambahan, caj sebanyak RM10.00 akan dikenakan.
Insurans Simpanan	Deposit ini adalah deposit yang layak diasuranskan oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). PIDM menjamin deposit yang layak sehingga had RM250,000 setiap penyimpan setiap bank. Had RM250,000 ini termasuk jumlah prinsipal deposit dan juga kadar/pulangan yang diperolehi. Deposit-deposit perbankan Islam dan konvensional layak untuk had perlindungan RM250,000 secara berasingan. <ul style="list-style-type: none"> • Perlindungan insurans simpanan adalah automatik. • PIDM melindungi simpanan di bank yang dipegang oleh penyimpan. • Tiada caj dikenakan kepada penyimpan untuk perlindungan insurans simpanan. • Sekiranya bank gagal, PIDM akan membayar balik wang simpanan kepada penyimpan. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada risalah maklumat PIDM yang boleh didapati di kaunter kami atau layari www.pidm.gov.my
Insurans Simpanan	Deposit ini adalah deposit yang layak diasuranskan oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). PIDM menjamin deposit yang layak sehingga had RM250,000 setiap penyimpan setiap bank. Had RM250,000 ini termasuk jumlah prinsipal deposit dan juga kadar/pulangan yang diperolehi. Deposit-deposit perbankan Islam dan konvensional layak untuk had perlindungan RM250,000 secara berasingan. <ul style="list-style-type: none"> • Perlindungan insurans simpanan adalah automatik. • PIDM melindungi simpanan di bank yang dipegang oleh penyimpan. • Tiada caj dikenakan kepada penyimpan untuk perlindungan insurans simpanan. • Sekiranya bank gagal, PIDM akan membayar balik wang simpanan kepada penyimpan. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk kepada risalah maklumat PIDM yang boleh didapati di kaunter kami atau layari www.pidm.gov.my

Akaun Simpanan Tetap-i Mata Wang Asing

3

Pengendalian Akaun Dorman	<p>Mana-mana Akaun Mata Wang Asing Time Deposit atau akaun semasa yang tiada aktiviti selama 1 tahun atau lebih dari tarikh transaksi terakhir akan dikira sebagai akaun dorman di bawah Garis Panduan Rangkakerja Perkhidmatan Perbankan Asas oleh Bank Negara Malaysia.</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="padding: 5px; vertical-align: top;"> Akaun Dorman dengan baki tidak lebih daripada RM10.00 </td><td style="padding: 5px; vertical-align: top;"> Baki akan diserapkan sebagai yuran perkhidmatan dan akaun akan ditutup. </td></tr> <tr> <td style="padding: 5px; vertical-align: top;"> Akaun Dorman dengan baki melebihi RM10.00 </td><td style="padding: 5px; vertical-align: top;"> Yuran tahunan sebanyak RM10.00 akan dikenakan sehingga baki yang tinggal diletakkan di bawah "Wang Yang Tak Dituntut". Sila rujuk kepada bahagian "Polisi Wang Yang Tak Dituntut". </td></tr> </table> <p>Untuk mengaktifkan semula akaun dorman, anda perlu melakukan transaksi simpanan atau pengeluaran melalui kaunter di mana-mana cawangan OCBC Bank (Malaysia) Berhad atau OCBC Al-Amin Bank Berhad dengan sendiri.</p>		Akaun Dorman dengan baki tidak lebih daripada RM10.00	Baki akan diserapkan sebagai yuran perkhidmatan dan akaun akan ditutup.	Akaun Dorman dengan baki melebihi RM10.00	Yuran tahunan sebanyak RM10.00 akan dikenakan sehingga baki yang tinggal diletakkan di bawah "Wang Yang Tak Dituntut". Sila rujuk kepada bahagian "Polisi Wang Yang Tak Dituntut".
Akaun Dorman dengan baki tidak lebih daripada RM10.00	Baki akan diserapkan sebagai yuran perkhidmatan dan akaun akan ditutup.					
Akaun Dorman dengan baki melebihi RM10.00	Yuran tahunan sebanyak RM10.00 akan dikenakan sehingga baki yang tinggal diletakkan di bawah "Wang Yang Tak Dituntut". Sila rujuk kepada bahagian "Polisi Wang Yang Tak Dituntut".					
Policy Wang yang Tak Dituntut	<p>Penerimaan Akaun Mata Wang Asing Time Deposit yang telah diperbaharui secara automatik selama lebih tujuh (7) tahun akan diklasifikasikan sebagai "Wang Yang Tak Dituntut" selaras dengan Akta Wang Tak Dituntut 1965.</p> <p><i>Nota: Laporan akan dikeluarkan setiap tahun pada 30 November dan 28 Februari yang menyenaraikan semua penerimaan Akaun Mata Wang Asing Time Deposit terbabit yang telah diperbaharui lebih dari 6 tahun sebelum 28 Februari. Selain itu, peringatan juga akan dihantar kepada pelanggan.</i></p> <p><i>Kegagalan untuk bertindak ke atas peringatan dalam tempoh yang diberi akan menyebabkan Akaun Mata Wang Asing Time Deposit diklasifikasikan sebagai "Tak Dituntut" pada tahun berikutnya.</i></p>					
Pengendalian Akaun Bersama	<ul style="list-style-type: none"> • Akaun bersama ("Akaun") boleh dibuka untuk 2 individu atau lebih yang berumur 18 tahun dan ke atas. Kad Pengenalan/Pasport diperlukan dengan setiap permohonan. • Pemegang-pemegang Akaun adalah layak secara bersama ke atas sebarang baki simpanan atau kredit yang terdapat dalam Akaun. • Semua arahan berhubung dengan Akaun, termasuk tanpa had berkaitan dengan pengendalian dan penutupan Akaun atau penggantungan atau penamatan perkhidmatan, pertukaran alamat, pegangan surat atau butiran lain tentang pemegang-pemegang Akaun yang didaftar dengan Bank atau sebarang maklumat lain, akan diberikan secara bertulis (atau dengan cara lain yang dibenarkan oleh OCBC Al-Amin) oleh semua pemegang Akaun bersama, kecuali diarahkan sebaliknya melalui surat oleh semua pemegang Akaun bersama. • Semua pemegang Akaun bersama mestilah bertanggungjawab secara bersama ke atas semua transaksi yang terbit daripada sesuatu arahan. • Jika OCBC Al-Amin menerima arahan yang bercanggah, sama ada daripada atau bukan daripada orang(-orang) yang dibenarkan, OCBC Al-Amin boleh memilih untuk bertindak atas mandaat yang diberi oleh semua pemegang Akaun bersama. • Sebaik sahaja menerima notis kematian bagi salah seorang pemegang Akaun, OCBC Al-Amin layak untuk membayar baki simpanan atau kredit seperti sewajarnya, kepada pemegang yang tinggal dan jika lebih daripada seorang pemegang dalam nama bersama, asalkan sebelum pembayaran dibuat, OCBC Al-Amin layak untuk menolak sebarang hutang ditanggung oleh pemegang-pemegang Akaun bersama di bawah mana-mana Akaun dengan OCBC Al-Amin dan/atau dengan mana-mana syarikat dalam Kumpulan OCBC daripada baki simpanan atau kredit tersebut. <p>OCBC Al-Amin boleh membenarkan pemegang(-pemegang) Akaun yang masih ada untuk meneruskan operasi Akaun tertakluk kepada keperluan Terma dan Syarat dikenakan oleh OCBC Al-Amin yang dipenuhi.</p>					

Maklumat Perhubungan

OCBC Al-Amin (Malaysia) Berhad	<p>Untuk maklumat lanjut, pertanyaan atau maklum balas tentang produk dan perkhidmatan kami yang terkini, anda boleh menghubungi Pusat Perhubungan kami di 03-8314 9310 atau layari laman web kami di www.ocbc.com.my atau kunjungi mana-mana cawangan OCBC Al-Amin yang berhampiran anda.</p> <p>Anda juga boleh menghubungi kami pada bila-bila masa untuk mengemaskini Maklumat Peribadi anda. Maklumat ini penting bagi kami dalam usaha untuk memberi anda perkhidmatan yang lebih baik. Sila maklum bahawa semua maklumat peribadi anda adalah sulit.</p> <p>Sekiranya anda mempunyai sebarang aduan tentang produk atau tahap perkhidmatan kami, hantarkannya secara bertulis kepada alamat berikut:</p> <p style="text-align: center;">Service Transformation Department</p> <p style="text-align: center;">OCBC Bank (Malaysia) Berhad, Level 15, Menara OCBC, 18 Jalan Tun Perak, 50050 Kuala Lumpur</p> <p>Atau, sekiranya anda ingin mendapatkan pandangan pihak berkuasa tentang cara kami mengendalikan aduan, Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (dahulu dikenali sebagai Biro Pengantara Kewangan) boleh dihubungi di 03-2272 2811; emel enquiry@ofs.org.my atau Bank Negara Malaysia di 1300 88 5465; emel bnmtelelink@bnm.gov.my</p>
Bank Negara Malaysia	<p>Untuk pertanyaan lanjut tentang Produk Kewangan, sila layari</p> <ul style="list-style-type: none"> • www.bankinginfo.com.my • www.insuranceinfo.com.my <p>Anda juga boleh mengunjungi BNMLINK yang berhampiran atau hubungi BNMTELELINK di 1300 88 5465.</p>
Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)	<p>Hubungi talian hotline di 1-800-88-1266. Boleh didapati dari Isnin hingga Jumaat, mulai 8.30 pagi hingga 5.30 petang atau emel kepada info@pidm.gov.my</p>

Penafian: Lembaran Maklumat Produk ini adalah untuk tujuan maklumat semata-mata dan tidak mengandungi sebarang nasihat bagi mana-mana perkara yang dibincangkan. Semua maklumat dan bahan termasuk tentang perkhidmatan, produk, maklumat kewangan, data, teks atau perkara lain yang diberikan adalah seperti 'seadanya' dan 'boleh didapati' dan diberikan untuk maklumat dan rujukan anda sahaja. OCBC Al-Amin tidak menjamin kebergunaan atau kecukupan maklumat yang diberikan dan tidak menanggung liabiliti ke atas mana-mana ralat dan tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang akibat yang timbul daripada mempercayai sebarang pendapat atau kenyataan yang terkandung di sini atau ke atas mana-mana pengeluarannya. Terma dan Syarat yang lebih terperinci bagi **OCBC Akaun Simpanan Tetap Mata Wang Asing-i** ini dinyatakan dalam Perkhidmatan dan Akaun Bank – Terma dan Syarat Utama dan Terma dan Syarat lain yang diguna pakai untuk produk ini (jika ada) yang boleh didapati di cawangan OCBC Al-Amin dan di www.ocbc.com.my. Lembaran Maklumat Produk ini adalah sulit dan tidak boleh dikeluarkan semula (secara penuh atau sebahagian) kepada sesiapa sahaja tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada OCBC Al-Amin terlebih dahulu. Simpanan Mata Wang Asing adalah tertakluk kepada perubahan kadar tukaran asing yang memberikan peluang dan juga risiko. Anda mungkin akan mengalami kerugian ke atas prinsipal apabila anda menukar mata wang asing kepada mata wang asas. Oleh itu, anda harus menentukan mana-mana mata wang asing yang sesuai bagi objektif dan situasi kewangan anda.